

Apa lagi yang harus saya lakukan?

1. Lakukan mamogram pemeriksaan setiap dua tahun setelah umur 50 tahun.

- Jika anda diperiksa secara tetap, sebarang barah buah dada yang dikesan mungkin sekali masih pada tahap awal.
- Jika anda mempunyai riwayat keluarga yang kuat untuk barah buah dada (ibu, kakak atau anak perempuan), mungkin anda sebaiknya melakukan mamogram pemeriksaan setiap tahun.
- Jika anda pernah mempunyai barah buah dada, penting agar anda bertemu dengan doktor anda untuk tindak susul tetap dan melakukan mamogram pemeriksaan setiap tahun.

2. Ketahuilah tentang buah dada anda:

- Lihat dan rasa untuk sebarang perubahan pada buah dada anda yang tidak biasa bagi anda.
- Mintalah doktor anda memeriksa buah dada anda setiap tahun.
- Bertemulah dengan doktor anda dengan segera jika anda mendapati adanya sebarang perubahan pada buah dada anda.

Perubahan yang tidak harus diabaikan termasuk:

- Benjol, pembengkakan atau ketebalan.
- Perubahan pada kulit buah dada, misalnya kedut, lekuk atau ruam.
- Perubahan dalam bentuk atau saiz buah dada.
- Lelehan daripada puting, atau perubahan dalam bentuk puting.

Adakah anda mempunyai sebarang pertanyaan?

Hubungilah doktor anda atau telefon:

BreastScreen WA

(08) 9323 6700 - maklumat

13 20 50* - temu janji

1800 800 033 bebas tol dari kawasan luar bandar

TTY 1800 241 708

Cancer Council WA

(08) 9212 4333

13 11 20* - Talian Bantuan Barah Cancer Council

Women's Health Services

(08) 9227 8122

1800 998 399 bebas tol dari kawasan luar bandar

Family Planning WA (FPWA)

(08) 9227 6177

1800 198 205 bebas tol dari kawasan luar bandar

Women's Health Centre (Pusat Kesihatan Wanita)

Terdapat banyak Pusat Kesihatan Wanita di seluruh negeri. Lihatlah panduan tempatan anda untuk Pusat Kesihatan Wanita yang terdekat.

(* dengan biaya panggilan tempatan)



www.breastscreen.health.wa.gov.au

© BreastScreen WA, Department of Health, 2006

HP8842_JUNE'06_JBZ1411

Ada apa lagi setelah mammogram pemeriksaan anda?

After your screening mammogram, what next?



Syabas kerana telah melakukan pemeriksaan kesihatan yang penting ini!

Bagaimana pula dengan hasil pemeriksaan?

Anda akan menerima hasil melalui pos dalam masa dua minggu. Sila telefon BreastScreen WA pada nombor (08) 9323 6700 atau bagi Wanita dari luar bandar, sila telefon bebas tol pada nombor 1800 800 033 jika hasil anda belum tiba setelah dua minggu. Hasil juga dikirim kepada doktor yang anda pilih kecuali jika anda meminta sebaliknya.

Bagaimana jika saya memerlukan sinar X tambahan?

Wanita tidak sering dipanggil kembali untuk sinar X tambahan. Jika hal ini perlu, Jururawat Penilaian Buah Dada dari BreastScreen WA akan menelefon untuk berbincang dengan anda.

Wanita yang tinggal di luar kawasan bandar.

Di kawasan bandar, sinar X tambahan Dilakukan di salah satu Pusat Penilaian buah Dada BreastScreen WA, yang terletak di Royal Perth Hospital dan Sir Charles Gairdner Hospital. Seringkali sinar X tambahan ini akan menunjukkan bahawa tiada masalah. Beberapa wanita memerlukan ujian lanjut, misalnya ultrasound atau biopsy. Ujian ini dilakukan sekaligus dengan sinar X tambahan.

Wanita yang tinggal di kawasan luar bandar WA.

Bagi wanita di kawasan luar bandar, sinar X dilakukan di perkhidmatan bergerak.

Jururawat Penilaian Buah Dada akan menelefon anda untuk memberitahu sama ada ujian tambahan akan diperlukan.

Penting agar anda ingat bahawa kebanyakan Wanita yang melakukan ujian lanjut tidak mempunyai barah.

Semua wanita yang memerlukan ujian lanjut mempunyai pilihan untuk langsung dirujuk kepada salah satu Pusat Penilaian Buah Dada kami atau bertemu dengan doktor sendiri. Semua hasil ujian di Pusat Penilaian Buah Dada diberi pada masa temu janji, kecuali hasil biopsy teras yang akan diberi 24 jam kemudian.

Bagi beberapa wanita yang mempunyai barah, pengesanan awal akan amat meningkatkan kemungkinan rawatan yang berjaya. Barah kecil buah dada sering boleh dirawat dengan pembedahan yang kurang ekstensif berbanding dengan pembedahan yang diperlukan untuk barah besar. Misalnya, sering dapat dikeluarkan benjol dan bukannya seluruh buah dada.

Adakah mamogram akan menunjukkan semua barah?

Mamogram dapat mengesan hingga 90% barah buah dada. Namun, ada sebilangan barah yang tidak kelihatan pada mamogram.

Jika anda memperhatikan sebarang perubahan pada buah dada anda, sila segera bertemu dengan doktor anda, walaupun mamogram tidak menunjukkan sebarang tanda barah buah dada.

Perubahan yang tidak berbahaya, misalnya pundi, sering kelihatan pada mamogram, tetapi hanya akan dilaporkan kepada anda jika ujian lanjut diperlukan.

Apa yang akan berlaku selanjutnya?

BreastScreen WA akan mengirim surat kepada anda apabila tiba masanya untuk mamogram baru.

Mamogram yang dilakukan dalam program ini disimpan dengan baik untuk dibandingkan dengan pemeriksaan buah dada selanjutnya.

Ingatlah...

- Jika Anda berumur 50 tahun ke atas, anda harus melakukan pemeriksaan mamogram setiap 2 tahun.
- Pengesanan awal barah buah dada mungkin menyelamatkan jiwa anda.
- Segera bertemulah dengan doktor jika anda memperhatikan sebarang tanda buah dada yang tidak biasa.

Jika anda menukar alamat anda, sila telefon 13 20 50* untuk memberitahu.

(* dengan biaya panggilan tempatan)